

Perasmian Pusat Pendidikan Perubatan Desa UMS Sikuati, Kudat

Pada 18 Januari 2009, 11.00 pagi

Ucapan Naib Canselor UMS

KOL. PROF. DATUK DR. KAMARUZAMAN HJ AMPON



***Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh***

***Salam Sejahtera***

***Terimakasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,***

**Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin  
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia**

**Yang Berhormat Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi  
Merangkap Ahli Parlimen Kota Marudu**

**Ahli-Ahli Yang Berhormat**

**Yang Berbahagia Datuk Henry Chin Poy-Wu  
Ahli Lembaga Pengarah UMS**

**Pegawai-Pegawai Utama UMS**

**Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri**

**Para Pensyarah dan pegawai universiti**

**Mahasiswa-dan mahasiswi UMS**

***Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian***

1. Terlebih dahulu saya merakamkan rasa syukur ke hadrat Illahi di atas kelangsungan Majlis Perasmian Pusat Pendidikan Perubatan Desa UMS di Sikuati, Kudat pada pagi ini. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan setinggi-tinggi terimakasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, di atas komitmen beliau menghadiri majlis penuh bermakna ini. Dalam kesibukkan melaksanakan tugas harian, beliau komited untuk bersama-sama kita di pekan Sikuati Kudat ini untuk merasmikan Pusat Pendidikan Perubatan Desa UMS. Terimakasih Yang Berhormat Dato' Seri.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan terimakasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, yang juga merupakan Ahli Parlimen kawasan Kota Marudu, di atas kelapangan masa beliau, hadir menyerikan lagi Majlis Perasmian yang akan disempurnakan sebentar sahaja lagi.
3. Saya juga tidak lupa mengucapkan terimakasih kepada para pemimpin masyarakat yang turut serta meramaikan lagi majlis pada pagi ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada majlis ini wajar dilihat sebagai tanda sokongan tuan-tuan dan puan-puan kepada komitmen kerajaan dalam memastikan taraf hidup masyarakat, khususnya rakyat di kawasan luar bandar sentiasa mendapat

perhatian sewajarnya. Sudah pasti Pusat Pendidikan Perubatan Desa di Sikuati Kudat ini akan berupaya menjadi pemangkin kepada kecemerlangan ilmu sepertimana ianya menjadi teras perjuangan kepada kewujudan UMS itu sendiri sejak tahun 1994.

***Yang Berhormat Dato Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian***

4. Seluruh warga UMS wajar berasa bangga kerana selepas 14 tahun penubuhannya, kampus UMS sudah pun mampu berada di serata tempat khususnya di kawasan luar bandar di negeri Sabah. 14 tahun adalah suatu usia yang masih muda jika dibandingkan dengan universiti-universiti ternama lainnya, sama ada di dalam mahu pun di luar Negara, yang mana kebanyakannya telah pun berusia puluhan malah ratusan tahun usianya. Bilangan pelajar prasiswazah dan pascasiswazah UMS telah meningkat dengan pesat dan jumlahnya kini menghampiri 14,000 orang termasuk pelajar antarabangsa.
5. Saya memetik kata-kata Tun Canselor semasa merasmikan Majlis Konvokesyen UMS pada 23 Ogos 2008, **“Sebagai universiti yang masih muda, janganlah pula kita beralah kepada faktor usia. Ini adalah kerana masih banyak sumber kajian yang boleh diteroka oleh universiti ini melalui jalinan hubungan pintar**

**dengan para pengkaji dari universiti tersohor di dunia. Pada masa yang sama, jangan pula kita leka hingga terlalu asyik mengekalkan kecemerlangan sedia ada. Universiti yang maju adalah universiti yang hidup, yakni sentiasa makmur dengan penyelidikan-penyelidikan yang memberi manfaat kepada kehidupan manusia sejagat."**

6. Dalam hubungan ini, UMS akan bersandarkan kepada kekuatannya yang tersendiri yang mungkin tidak terdapat pada universiti-universiti lain di Malaysia, mahu pun di peringkat antarabangsa. Walaupun UMS masih berteraskan kepada penawaran kursus yang bersifat komprehensif, kita juga gigih memperkasakan penyelidikan kita. Sumber alam khususnya yang terdapat di negeri Sabah ini masih terpelihara dengan baik dan pastinya menjadi rencah yang terbaik untuk dilibatkan dalam bidang penyelidikan bagi kebaikan dan manfaat manusia.
7. Aspek berkaitan penyediaan prasarana yang mesra penyelidikan bakal melengkapkan lagi komitmen ini. Selain itu, peningkatan kualiti dalam aspek penyelidikan yang melibatkan pensyarah dan penuntut akan dimantapkan. Dengan kewujudan pelbagai Pusat Kecemerlangan di UMS, usaha untuk menjadikan UMS

sebagai pusat penyelidikan tersohor di dunia akan dapat dikecapi dalam tempoh yang singkat.

***Yang Berhormat Dato Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,***

8. Sehubungan dengan itu, Pusat Pendidikan Perubatan Desa di Sikuati, Kudat, bakal menjadi salah satu prasarana berorientasikan penyelidikan disamping peranan utamanya sebagai pusat khidmat masyarakat di luar bandar. Penyelidikan-penyelidikan dalam bidang kesihatan masyarakat yang memberi tumpuan terhadap penyakit tropikal serta penyakit utama di negeri Sabah, akan dijalankan selaras dengan keperluan tenaga pakar dalam bidang ini.
9. Selain itu pada pertengahan tahun lalu majlis upacara pecah tanah tapak bangunan Sekolah Perubatan UMS telah pun disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin , Menteri Pengajian Tinggi,. Semua perkembangan ini akan mendorong UMS untuk menjadi salah sebuah pusat penyelidikan dalam bioperubatan yang terkemuka.
10. Selain itu, pusat-pusat kecemerlangan sedia ada seperti Institut Penyelidikan Marin Borneo, Institut Biologi dan Tropika Pemuliharaan, dan Institut Penyelidikan

Bioteknologi dengan dibantu oleh Pusat-Pusat Penyelidikan yang ada, akan terus menyemarakkan budaya penyelidikan ilmiah yang akan menjadikan UMS kompetitif dan berupaya berperanan sebagai sebuah universiti penyelidikan yang menjadi pusat tumpuan pengkaji-pengkaji dari seluruh dunia. Namun, kami tidak mampu merealisasikannya, **tanpa dukungan para pemimpin dan sokongan padu masyarakat keseluruhannya.** Walau pun pada hakikatnya, Pusat Pendidikan Perubatan Desa tertumpu kepada Sekolah Perubatan UMS, namun ia turut sama membawa legasi ilmu mencakupi semua bidang yang diperjuangkan oleh UMS.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada seluruh jentera pentadbiran UMS, para kakitangan dan pelajar yang begitu komited bekerja bersama-sama saya melonjak kembali motto “Bertekad Cemerlang” bagi menjadikan UMS sebagai sebuah Universiti inovatif yang bertaraf antarabangsa.

11. Sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Dato’ Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi dan Yang Berhormat Datuk Dr. Maximus J. Ongkili, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi kerana sentiasa prihatin dan komited diatas apa jua aktiviti yang dianjurkan oleh

Universiti Malaysia Sabah selama ini. Semoga semua usaha dan khidmat bakti kita dalam memperkasakan lagi pembangunan pendidikan akan mendapat keredhaanNya. Insyaallah.

***Sekian. Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.***